

PROF. IR. TS. DR. REZUWAN KAMARUDDIN

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Oleh : Mohd Basri Basir

1 Sebagai pembuka bicara kita dalam temubual ini, bolehkah Prof. ceritakan sedikit sebanyak mengenai Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa dan perkembangannya sehingga kini?

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudahan pihak media untuk menemubual berkaitan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Fungsi utama Pejabat TNC (A&A) adalah membantu Pejabat Naib Canselor yang menurunkan punca kuasa untuk perancangan dan mengurus pelan strategik; pelaksanaan insiatif dan petunjuk prestasi utama; pemantauan perlaksanaan, dan penambahbaikan berterusan bagi menjayakan pembangunan dan kemajuan hala tuju universiti, pemegang taruh dan kementerian Pendidikan Malaysia dalam hal ehwal akademik dan pengantarabangsaan.

Sekiranya kita lihat carta organisasi universiti, Pejabat TNC (A&A) berada di dalam Canselori iaitu dibawah kawal selia Pejabat Naib Canselor. Ini menunjukkan kesemua Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK), Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknoshawan (PPIPT), Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (IKOM), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD) adalah dibawah kawalseliaan Pejabat TNC (A&A).

Tambahan dari itu, semua pusat pemantapan akademik yang melibatkan akademik dan pengantarabangsaan juga berada di bawah kawal seliaan Pejabat TNC (A&A), seperti Pusat Bahasa Anatarabangsa (CIL), Institut Matematik Kejuruteraan (IMK), Pusat Kokurikulum (KoK), Pusat Kejuruteraan, Pusat Pengantarabangsaan (CIA) dan Pusat Kerjasama Kerajaan dan Industri (CIGC).

Ketika ini kita menawarkan 21 program pengajian kejuruteraan, 14 program pengajian teknologi kejuruteraan, 2 program pengajian perniagaan, 1 program sains sosial, 6 program diploma kejuruteraan, dan program-program peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Ketika ini kita mempunyai sekitar 14,000 pelajar peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Sekitar 6 peratus enrolmen terdiri daripada pelajar antarabangsa yang datang dari lebih 45 buah negara.

Antara kejayaan universiti yang boleh kita banggakan, kesemua program pengajian kita telah mendapat pengiktirafan akreditasi samada dari Lembaga Jurutera Malaysia (EAC, BEM), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Malaysia adalah signatory country kepada Dublin, Sydney dan Washington Accords. Ini bermakna kesemua program kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan kita juga mendapat pengiktirafan antarabangsa. Ini membolehkan graduan kita boleh berkhidmat atau melanjutkan pengajian mereka di luar negara.

Setiap tahun graduan kita mendapat kebolehpasaran kerja melebih 80 % semasa kovenant. Selepas 6 bulan graduan biasanya kesemua graduan kita mendapat pekerjaan dalam bidang disiplin mereka. UniMAP diantara kbolehpasaran graduan tertinggi di kalangan universiti-universiti awam di Malaysia.

Dari segi pengiktirafan akademik Universiti Malaysia Perlis telah mendapat 5 tier dalam penarafan Setara dan D' Setara di dalam negara. Manakala peringkat antarabangsa kita mendapat 5 bintang masing-masing bagi kemudahan pengajaran dan pembelajaran dan pengajaran dan pembelajaran mengikut penarafan QS.

Akademik dan Pengantarabangsaan UniMAP juga mendapat autonomi dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini membolehkan kita boleh membuat pemilihan pelajar penawaran program berimpak dan memberi ganjaran kepada staf akademik.

2 Mohon perkongsian medium yang digunakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP bagi mempromosikan program-program pengajiannya kepada Masyarakat Malaysia dan Antarabangsa.



Universiti Malaysia Perlis mempunyai Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor dan juga Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusi oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa.

Fungsi utama kedua-dua Jawatankuasa ini untuk membangunkan perancangan strategik dan insiatif untuk mempromosikan program-program pengajian UniMAP bagi kemasukan pelajar baru dari dalam dan luar negara.

Kesemua pusat pengajian, pusat pengajian siswazah, bahagian pengurusan akademik pejabat pendaftar dan pusat pengantarabangsaan berganding bahu mengganggotai jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini sering mengadakan mesyuarat berkala untuk memastikan perancangan, insiatif dan panambahbaikan hala tuju dapat dijayakan.

Selain dari itu, kita ada dua anjung iaitu Anjung Kulim dan Anjung Kuala Lumpur sebagai one-stop center untuk mempromosi dan memberi penerangan perincian program pengajian yang kita tawarkan kepada bakal calon-calon pelajar baru masuk ke UniMAP dan juga kepada orang awam.

Antara inisiatif promosi yang kita adakan adalah promosi program pengajian melalui ceramah, seminar dan pameran di sekolah, matrikulasi, politeknik, institusi latihan kemahiran awam dan swasta seperti ADTEC, ILP, KKTBN, IKBN, Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM), Institut Kemahiran Mara (IKM), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institusi Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTNB), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Japan, Malaysia Technical Institut (JMTI).

MYUniMAP Edisi XXXVI BERSAMA

Selain daripada itu, kita menyediakan laman sesawang, risalah, brosur, penerbitan dalam media masa, direktori dalam dan luar Negara.

Kit juga bergiat mempromosikan universiti ke peringkat antarabangsa melalui ceramah dan pameran di luar negara, menandatangai MOU dan MOA, berkerjasama dengan bahagian pengantarabagsaan kementerian dalam mempromosi universiti, menjalin hubungan dengan kedutaan-kedutaan asing di nagara kita, melantik agen-agen promosi di dalam dan luar negra.

3 Saya pasti setiap kali bermulanya satu tahun yang baharu, setiap unit dan Jabatan di UniMAP akan merangka aktiviti-aktiviti yang mengisi jadual pergerakan tahunnya. Jadi apakah aktiviti-aktiviti yang dirangka oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa sepanjang tahun

Memang benar setiap tahun semua pusat bertanggungjawab (PTJ) di UniMAP menyediakan inisiatif dan petunjuk prestasi utama masing berlujuan untuk melaksana misi dan visi universiti.



Setiap tahun Pejabat TNC (A&A) membangunkan pelan strategik, inisiatif dan prestasi petunjuk utama berdasarkan hala tuju kementerian, universiti, naib canselor dan perkembangan industri semasa.

Pejabat TNC (A&A) tidak ketinggalan meneruskan inisiatif dan petunjuk prestasi utama terdahulu mengikut perancangan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas, serta membuat penambahbaikan keperluan terkini mengikut hala tuju baru universiti, kementerian dan keperluan industri ke arah industri 4.0.

Antara inisiatif yang utama adalah memastikan kita memenuhi kebolehpasaran graduan melebihi 90% semasa konvokesyen, graduan yang kita lahirkan mesra industri, graduan kita kompeten dalam penguasaan dan aplikasi ilmu, kemahiran dan sahsiah, semua program pengajian mendapat akreditasi dan pengiktirafan badan jaminan kualiti dan profesional, program pengajian yang ditawarkan mendapat prajaya tinggi dan popular kepada kemасukan pelajar baru, program pengajian selari dengan ekosistem antarabangsa ke arah industri 4.0.

Dalam pengantarabangsaan kita menekan enrolmen pelajar antarabangsa melebihi 5% dari jumlah keseluruhan enrolmen, menggiatkan program mobility inbound dan outbound kepada pensyarah dan pelajar antara UniMAP dengan universiti dalam dan outbound kepada pensyarah dan pelajar antara UniMAP dengan universiti dalam dan luar negara, meningkatkan penarafan bintang Setara dan QS dalam akademik dan pengantarabangsaan.

Kita juga memberi penekanan kepada penawaran program TVET. Menghasilkan graduan TVET peringkat diploma, sarjana muda dan doktor falsafah. Ini selari dengan hala tuju kementerian dan MTUN untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara sebanyak 60,000 menjelang tahun 2020.

Selain daripada itu, kita juga menekankan penjanaan pendapatan melalui inisiatif-inisiatif kerjasama penawaran program pengajian sedia ada dengan industri dan

institut pengajian swasta. Beberapa kerjasama dengan Taj College, Regent College, PSDC, Spectrum, KISMEC, Nahda University, Mesir, Chittagong University Bangladesh, ITM Medan, dll. Penjanaan kewangan juga dipergiat melalui melalui projek-projek perkhidmatan, khidmat nasihat perundingan dan penyelidikan kepada klien-klien di kepada industri dan masyarakat.

4 Setakat hari ini apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Prof. dan kakitangan Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dalam membantu meningkatkan UniMAP agar lebih standing dengan universiti yang lebih lama?

Cabar utama Pejabat TNC (A&A) adalah kita perlu berkerja lebih keras, pantas dan fokus selari dengan kelebihan bersaing (Competative advantage) dan keperluan perubahan globalisasi yang mendesak ke arah penarafan universiti tersohor dan terbilang.

Kita perlu menjayakan dan mencapai ke semua pelan strategik, inisiatif dan petunjuk prestasi utama akademik dan pengantarabangsaan yang disasarkan pada tahun 2018. Juga merancang senario ekosistem menjelang 2025 supaya kita keterlibatan menyerlah, berdayasaing, disegani dan kekal relevan.

Kekangan sumber kewangan adalah perkara biasa bagi semua jabatan, agensi dan universiti. Kita perlu menjana pendapatan dari sumber yuran pelajar, geran penyelidikan, khidmat nasihat dan pengkomersialan. Kerjasama dengan industri dalam penawaran program pengajian juga perlu di perhebatkan untuk penjanaan pendapatan.

Sekiranya ada cabaran dan kekangan untuk kita setanding dengan universiti lama atau universiti tersohor diperingkat anatarabangsa, kita boleh atasi dengan membudayakan Akademia Berbudaya Cemerlang.



Sekiranya kita semua cemerlang, iaitu dari semua peringkat; cemerlang individu, cemerlang institusi dan cemerlang ekosistem, In Shaa Allah secara automatik universiti kita boleh menjadi bertaraf lima bintang dunia dan keterlihatan menyerlah di peringkat nasional dan antarabangsa.

Antara fokus yang kita sedang usahakan adalah untuk menjayakan penstrukturkan pusat pengajian dan program pengajian supaya pengurusan kita lebih kejat, berkesan dan berimpak tinggi. Membawa input-input industri dalam semakan dan penyampaian kurikulum program pengajian. Melibatkan pakar industri dalam pengajaran dan pembelajaran. Membangunkan kompetensi tenaga pengajar dan staf, dan serta peralatan pengajaran dan pembelajaran selari dengan keperluan industri ke arah industri 4.0.

5 Malaysia mensasarkan untuk menjadi Negara maju menjelang 2020. Manakala UniMAP pula melayakkkan harapan untuk berada di kelompok 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020. Bagaimana pula dengan harapan Prof. terhadap kedudukan atau Pencapaian UniMAP apabila sampainya ditahun 2020 nanti?misi dan visi universiti. Setiap tahun Pejabat TNC (A&A) membangunkan pelan strategik, inisiatif dan prestasi petunjuk utama berdasarkan hala tuju kementerian, universiti, naib canselor dan perkembangan industri semasa.

Kita telah membangun dan melaksanakan pelan strategik, insiatif dan petunjuk prestasi utama ke arah 500 kelompok universiti terbaik dunia pada tahun 2020. Inisiatif ini telah dan sedang kita laksanakan dan pemantauan berkala dibuat di semua pusat pengajaran dan pusat pemantapan akademik.

Ketika ini kita telah mencapai dalam kelompok 500 penarafan bagi bidang (subjek) kejuruteraan dan teknologi yang kita tawarkan di UniMAP dalam QS Star. Indikator ini menunjukkan kita boleh mencapai kelompok tersebut dalam masa terdekat. Bagi fasiliti, pengajaran dan pembelajaran kita telah mencapai 5 bintang.

Kita perlu giatkan lagi usaha dan ikhtiar dengan memberi fokus kepada kecemerlangan akademik dan pengantarbangsaan secara holistik, berfokus dan berhemah yang sedang dilaksanakan (rutin bermatlamat) yang dapat memenuhi instrumen mengukur kedudukan dan penarafan universiti dunia dalam QS Star World University Rankings seperti semakan rakan akademik (academic peer review), nisbah fakulti/pelajar (faculty/student ratio), sitasi per fakulti (citation per faculty), reputasi majikan (Employer reputation), pensyarah dan pelajar antarabangsa.

Usaha dan ikhtiar kita juga haruslah selari dengan pengisian instrument mengukur The Times Higher Education Supplement (THEs) yang menjurus kepada kedudukan dan penarafan seperti Pengajaran (Teaching (the learning environment), Penyelidikan (Research (volume, income and reputation), Sitasi (Citations (research influence)), Pandangan antarabangsa (International outlook (staff, students and research)), Pendapatan Industri (Industry income (knowledge transfer)).

In Shaa Allah sekiranya kita semua warga UniMAP dapat membudayakan Akademia Berbudaya Cemerlang, iaitu kita cemerlang dari semua peringkat, cemerlang individu, cemerlang institusi dan cemerlang ekosistem, saya yakin kita boleh diiktiraf bertaraf lima bintang dunia dan menjadi 500 kelompok universiti terbaik dunia pada tahun 2020.

